

# Malaysia mampu jadi negara perindustrian

31 MAR 1986

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan bahawa Malaysia boleh menjadi sebuah negara industri yang kukuh dan kuat di dunia jika rakyatnya yakin dengan kebolehan diri sendiri, berdisiplin dan rajin bekerja.

Berucap merasmikan Dewan Serbaguna Taman Seri Keramat yang dihadiri oleh kira-kira 50,000 rakyat di sini hari, beliau mengingatkan bahawa pada zaman kejatuhan harga bahan-bahan mentah, Malaysia sebagai pengeluar utama bahan itu, tidak perlu 'marah-marah' kepada 'orang lain'.

"Sebaliknya kita mesti membangunkan negara dengan cara baru, termasuk pembangunan industri. Melalui bidang itu, kita akan dapat menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan di samping mengeluarkan barangan sendiri yang boleh dipasarkan ke seluruh dunia," tegasnya.

Datuk Seri Dr Mahathir, yang diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, juga yakin bahawa sokongan dan ketekunan rakyat, akan membolehkan negara mengatasi semua rintangan dan menunjukkan kebolehannya di bidang perindustrian.

Perdana Menteri juga membidas sikap segolongan rakyat yang selalu mencaci dan tidak berbangga terhadap negara sendiri.

Menurutnya, golongan itu memberitahu orang asing bahawa 'kerajaan terlalu berangan-angan tinggi'. Dengan berbuat demikian, mereka berharap akan dipandang tinggi.

"Sebenarnya, orang asing memandang rendah kepada orang yang sengaja menjatuhkan maruah negaranya.

"Manusia mestilah berbangga dengan kebolehan mereka, seperti juga rakyat perlu berbangga dengan negara mereka. Sekiranya mencaci negara kita, maka kita akan dipandang hina," katanya.

## Ketawa

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, pada masa lalu ramai yang 'ketawa' apabila kerajaan berhasrat untuk membuat 'kereta sendiri'.

"Sedangkan pada hari ini 'orang-orang yang ketawa' itulah yang memandu kereta buatan kita itu ke hulu ke hilir," tegasnya.

Perdana Menteri juga berkata setakat ini lebih 20 buah negara meminta kerajaan memasarkan Proton Saga di negara mereka.

"Ini adalah bukti bahawa sekiranya kita tekun dan sanggup bertanding, tidak mustahil Malaysia akan menjadi sebuah negara yang kuat di bidang perindustrian," katanya.